

**UCAPAN ALUAN**  
**YBHG. DATO' SRI DR. KSU MOSTI**  
**SEMPENA**  
**SESI PEMBENTANGAN KPI KHAS**  
**TAHUN PENGKOMERSIALAN MALAYSIA 2016**  
**18 MAC 2016 (JUMAAT)**

---

**Assalammualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia**

1. Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kewangan Malaysia dan MOSTI. YBhg. Tan Sri, saya amat berbesar hati untuk melaksanakan inisiatif Tahun Pengkomersialan Malaysia ini secara Kerjasama Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan MOF.
2. Selamat datang diucapkan juga bagi wakil-wakil daripada Kementerian, Jabatan dan Agensi yang berkaitan R&D dan pembangunan teknologi, universiti penyelidikan (Research Universities), institusi penyelidikan; pihak berkepentingan; dan pegawai-pegawai kanan MOSTI ke Sesi Pembentangan KPI Khas Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016.
3. Untuk makluman, MOF dan MOSTI telah mempengerusikan bersama Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Tahun Pengkomersialan

Malaysia pada 26 Februari 2016. Semasa mesyuarat tersebut, MOSTI telah membentangkan cadangan Pelan Tindakan dan *timeline* pelaksanaan Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016. Pelan Tindakan tersebut merangkumi 6 kerjasama sinergi antara semua pihak berkepentingan, iaitu Kempen 1Promosi, 1Stop Center, Bina Upaya, *Industry Engagement*, Perkongsian KPI dan Perkhidmatan Maklumat.

YBhg. Tan Sri, Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-puan,

4. Berhubung Perkongsian KPI, setiap agensi berkaitan R&D dan pembangunan teknologi perlu menetapkan **KPI Khas** untuk Tahun Pengkomersialan Malaysia. KPI ini akan dipantau untuk tempoh selama 2 tahun. Pada hari ini, YBhg. Tan Sri KSP telah memperuntukkan masa pada pagi hingga tengah hari ini untuk mengikuti pembentangan cadangan KPI Khas daripada agensi-agensi penyelidikan dan pembangunan teknologi.
5. Sejumlah 26 organisasi akan membentangkan KPI Khas masing-masing sebentar lagi, iaitu (i) 13 agensi/ institut penyelidikan; (ii) 5 Universiti Penyelidikan; dan (iii) 8 agensi pembangunan teknologi. Produk dan teknologi ini akan dikomersialkan pada tahun 2016 dengan pendekatan kerjasama sinergi termasuk oleh agensi penggalak pelaburan dan pembangunan kapasiti *technopreneur*.
6. Setelah pembentangan pada pagi ini, KPI Khas akan terus dipantau dan sesi pembentangan Kemajuan KPI Khas akan diadakan pada Jun 2016. Bagi memberi pengiktirafan dan insentif kepada produk/

teknologi terbaik, acara kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia akan diadakan pada November 2016 meliputi aktiviti-aktiviti Anugerah Produk, Persidangan Antarabangsa, serta Pameran dan Pelancaran Produk.

7. YB. Menteri MOSTI turut menyatakan harapan beliau agar R&D yang dibangunkan dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada rakyat. Oleh itu MOSTI telah memperkenalkan program MOSTI Social Innovation yang bertujuan membantu masyarakat “to meet the unmet social needs”. Projek ini menggunakan teknologi yang dibangunkan oleh jabatan/agensi di bawah MOSTI bagi membantu masyarakat dengan memberi tumpuan kepada tiga ciri utama NBOS iaitu: *low cost; high impact and rapid execution*.
8. Saya berharap inisiatif Tahun Pengkomersialan Malaysia ini dapat melonjakkan aktiviti inovasi dan pengkomersialan di semua sektor dan semua lapisan masyarakat di Malaysia. Pelaksanaan Tahun Pengkomersialan Malaysia perlu mendapat komitmen, kerjasama dan sokongan daripada semua pihak di dalam landskap STI negara. Oleh itu, jaringan kerjasama bersinergi yang diwujudkan diharapkan akan meningkatkan lagi *outcome* dan impak bagi Tahun Pengkomersialan Malaysia yang dapat diteruskan sehingga ke tahun 2020.

Sekian, terima kasih.